

Analisis struktur plot dalam filem cereka animasi 3d pertama di Malaysia

ABSTRAK

Seiring dengan perkembangan teknologi, beberapa bidang turut mengalami perubahan khususnya dalam industri penerbitan animasi dunia. Pengaplikasian teknologi masa kini tidak menjamin penghasilan produk filem yang berkualiti, sebaliknya bergantung kepada penceritaan yang menarik. Sejajar dengan itu, kajian terhadap struktur plot pada filem animasi Malaysia dilakukan dalam memberi gambaran terhadap struktur plot filem animasi di Malaysia. Gustav Freytag (1863) telah memperkenalkan model yang menekankan kepada elemen dramatik dalam struktur plot yang dikenali sebagai Five Act Structure. Elemen-elemen ini terdiri daripada exposition, rising action, klimaks, falling action dan denouement. Setiap satu diwakili sebagai tindakan di dalam sebuah karya. Pengkaji menggunakan pendekatan Freytag Pyramid dalam menganalisis struktur plot dalam filem animasi Seefood (2012). Sebelum melakukan analisis, pengkaji terlebih dahulu memecahkan cerita kepada adegan-adegan menggunakan Frame Accurate Cinematics Tool (FACT) bagi memudahkan proses mengenal pasti jumlah adegan dan syot yang terdapat dalam filem animasi tersebut. Seterusnya, pendekatan model Freytag Pyramid digunakan bagi mendapatkan gambar rajah struktur plot secara terperinci. Kajian terhadap struktur plot yang terdapat dalam filem animasi Seefood diharapkan dapat membantu pembikin filem animasi akan datang menggarap sebuah penceritaan yang mampu menyaingi filem cereka animasi antarabangsa.